

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

NO. SOALAN : 195

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah terbaharu pengambilan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan bantuan kewangan yang disediakan MARA kepada mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pengambilan pelajar baharu di 54 buah MRSM sehingga 28 Februari 2019 adalah seperti berikut:

- i. Tingkatan 1 seramai 7,680 orang
- ii. Tingkatan 4 seramai 2,161 orang

Terdapat dua (2) jenis bantuan kewangan yang disediakan kepada pelajar MRSM yang tidak berkemampuan daripada segi kewangan semasa berada dalam tempoh pengajian, iaitu; Program Bantuan untuk Pendidikan (BUDI) dan Bantuan Pengecualian Wang Caruman (WC) & Pemberian Wang Saku (WS).